

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 19 MEI 2015

RUJUKAN : 7856

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kumpulan yang memperjuangkan mahupun membawa cadangan bahawa “Sarawak Keluar dari Malaysia” boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan (Sedition Act). Bagaimana dengan yang menyebarkannya menerusi laman web media sosial.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara bagi menyatakan pendapat mereka tetapi kebebasan yang diberi bukanlah mutlak namun terdapat segelintir pihak yang mengambil kesempatan terhadap kebebasan yang diberi.

Kerajaan memandang serius berhubung isu gerakan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia. Dalam hubungan ini, pendirian Kerajaan adalah jelas bahawa gerakan ini adalah bertentangan di sudut perundangan. Oleh yang demikian, tindakan tegas akan diambil berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada termasuklah Kanun Keseksaan akan digunakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan gerakan ini. Di samping itu juga, penyebaran hasutan melalui laman sosial ini boleh diambil tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Selain dari itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sedang mengkaji Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bersabit kesalahan menghasut di media sosial agar ianya selari dengan pindaan yang telah dibuat ke atas Akta Hasutan 1948.